

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (95)  
Tarikh : 26 Disember 2021

## SIARAN MEDIA

### SUKARELAWAN KPKT “*MYLIVEABLE SQUAD*” TERUSKAN MISI PEMBERSIHAN PASCA BANJIR DI JELEBU, NEGERI SEMBILAN

**JELEBU, 26 Disember 2021** – YB Dato’ Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama pasukan sukarelawan KPKT “*MyLiveable Squad*” meneruskan **Misi Bantuan Pasca Banjir di sekitar Jelebu, Negeri Sembilan** hari ini.

Kerosakan harta benda dan fasiliti awam, jalan-jalan yang dipenuhi lumpur, saliran perparitan dan longkang yang tersumbat serta sampah sarap dan peralatan yang rosak di bahu-bahu jalan dan sekitar perumahan memerlukan **kerja-kerja pembersihan awam yang menyeluruh**.

Justeru, misi pada hari ini adalah bagi membantu **membersihkan sisa-sisa pepejal, sampah sarap, fasiliti awam dan rumah-rumah mangsa yang terkesan** di sekitar Jelebu ini serta **meninjau kerja-kerja pembersihan** yang sedang dilakukan oleh pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan syarikat konsesi, *Southern Waste Management*.

YB Dato’ Sri Reezal Merican Naina Merican menyatakan bahawa tumpuan pasukan KPKT pada ketika ini adalah untuk kerja-kerja pasca banjir dan bina semula kehidupan pasca banjir ini. Banyak perkara yang perlu dilihat dan ini memerlukan sokongan setiap daripada kita, Keluarga Malaysia.

Beliau turut menjelaskan bahawa KPKT juga telah memperuntukkan kira-kira **RM6 juta bagi kerja-kerja pasca banjir** yang meliputi kerja-kerja pembersihan awam, kutipan sampah dan pelupusan di lima buah negeri yang terjejas iaitu Selangor, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur. Selangor yang tidak mengguna pakai Akta 672 diperuntukkan kira-kira RM2.1 juta. Pahang diperuntukkan RM2.8 juta, Melaka diperuntukkan RM145 ribu, Kuala Lumpur diperuntukkan RM255 ribu dan Negeri Sembilan diperuntukkan RM24 ribu.

SWCorp telah menggerakkan **234 unit jentera dan peralatan khusus** bagi membantu kerja-kerja pasca banjir di Pahang, Melaka, Negeri , Kuala Lumpur dan Selangor. Di Jelebu sahaja, pihak konesi telah menyediakan 8 buah lori RORO/Tipper termasuklah 5

tan dan 16 tan, 6 unit Tong RORO, 3 Waterjet Tanker, 1 Backhoe dan 2 kenderaan angkut.

YB Dato' Sri Reezal Merican turut bersama-sama 60 orang sukarelawan "MyLiveable Squad" yang terdiri dari pegawai dan kakitangan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dan SWCorp untuk melakukan pembersihan awam dan rumah. Selain itu, YB Dato' Sri Reezal Merican juga menyantuni para penduduk serta menyerahkan **sumbangan daripada PR1MA berupa 200 unit periuk nasi, dapur memasak** dan keperluan lain bagi meringankan beban mangsa-mangsa banjir di Kampung Poum, Jelebu.

Beliau turut menyatakan komitmen membantu para penduduk di kawasan ini untuk membina semula rumah yang terjejas melalui pihak berkuasa tempatan. Sebanyak 15 buah rumah terjejas teruk dan 6 buah rumah musnah di dalam kejadian banjir yang berlaku pada minggu lalu.

Beliau juga memaklumkan bahawa usaha-usaha yang dilakukan oleh KPKT ini merupakan amanah yang diberikan oleh YAB Perdana Menteri bagi membantu semua mangsa banjir tanpa mengira latar belakang.

KPKT dan agensi di bawahnya juga telah memperuntukkan sebanyak **RM 61 juta** bagi usaha pemulihan banjir seluruh negara dengan perincian seperti berikut:

- a) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) : **RM 50 Juta** (kos membaik pulih infrastruktur di 25 PBT yang terjejas banjir);
- b) PR1MA : **RM 5 juta** (keperluan asas, bakul makanan dan lain-lain);
- c) SWCorp : **RM 6 juta** (kos kerja pemulihan dan pembersihan pasca banjir).

Kementerian ingin menasihatkan orang ramai agar lebih peka dan berwaspada dalam memastikan keselamatan diri dan keluarga semasa musim banjir ini serta kekal menjaga SOP bagi mengelakkan penularan COVID-19. Orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi talian kecemasan **Nasional Disaster Command Centre (NDCC)** di **03-8064 2400** sekiranya memerlukan bantuan kecemasan dan juga balai-balai bomba berdekatan.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT

#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

